

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

SOALAN NO. 454

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan untuk mempertimbangkan permohonan mewujudkan lebih banyak menara komunikasi di kawasan seperti Bukong, Nanga Kumpang Engkilili dan Ulu Engkari, Nanga Stamang, Rantau Kemayau Manis Lubok Antu amat memerlukan arus telekomunikasi /panggilan atau "line" internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan pembinaan menara baharu, menaiktaraf menara sedia ada dan meningkatkan bilangan pelanggan kemudahan yang tersedia di seluruh negara.
2. Terdapat satu menara dalam perancangan untuk dibangunkan di kawasan kawasan Bukong, manakala di kawasan Nanga Kumpang Engkilil juga terdapat sebuah menara sedia ada yang memberikan perkhidmatan 3G kepada penduduk setempat.
3. Bagi kawasan Ulu Engkari, Nanga Stamang dan Rantau Kemayau Manis Lubok Antu, pihak Kerajaan belum mempunyai perancangan buat masa ini kerana kedudukannya yang agak terpencil di pedalaman dan tidak mempunyai infrastruktur asas terutamanya bekalan kuasa elektrik yang diperlukan bagi pengoperasian menara. Faktor-faktor sebegini seperti tiada bekalan elektrik tetap dan juga halangan geografi

merupakan antara kekangan utama pelaksanaan menara komunikasi baharu di kawasan pedalaman.

4. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan mempertimbangkan pembinaan menara baharu sekiranya bekalan kuasa elektrik telah tersedia di kawasan tersebut.

5. Di masa yang sama, Kerajaan akan berkerjasama dengan Sarawak Multimedia Authority (SMA) selaku agensi penyelaras bagi pembangunan komunikasi dan multimedia di negeri Sarawak untuk memastikan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai liputan dimasukkan ke dalam pelan perancangan pembangunan infrastruktur komunikasi oleh Kerajaan Negeri.